

PENGEUALIAN

TAFSIRAN

- Pengecualian bermaksud seseorang pesakit yang mendapat perkhidmatan sama ada sebagai pesakit luar ataupun sebagai pesakit dalam atau pun dikedua-duanya diklinik-klinik atau dihospital-hospital kelolaan Kementerian Kesihatan Malaysia atau dikedua-duanya diberi pengecualian dari membayar semua atau sebahagian dari caj-caj yang dikenakan kepadanya.
- Kuasa Pengecualian
kuasa memberi pengecualian adalah seperti perintah 16(1) hingga (13) dalam perintah Fee (perubatan) 1982

Perintah 16 (1)- Ketua-ketua Negeri dan Keluarga

- Raja Negeri, Yang Dipertua dan keluarga mereka dikecualikan daripada membayar semua caj dibawah perintah ini kecuali pembekalan gigi palsu.

Perintah 16 (2)- Senarai Negeri

- Kerajaan Negeri boleh dengan kelulusan Ketua Setiusaha Perbendaharaan menentukan mana-mana orang dan keluarganya dikecualikan dari membayar semua caj dibawah perintah ini kecuali gigi palsu.

Perintah 16 (3) - Penyakit Berjangkit

- Orang yang menghidap penyakit berjangkit yang dimasukkan ke wad kelas 3 atau wad pengasingan dikecualikan dari membayar caj-caj. Penyakit berjangkit ialah penyakit-penyakit yang disenaraikan dalam jadual 24 jenis penyakit atau yang diisyiharkan oleh Menteri Kesihatan.

Perintah 16 (4)- Pesakit Kelas I dan II

- Pesakit yang menduduki wad kelas satu atau dua atas permintaan sendiri dan mengidap penyakit berjangkit dalam jadual H atau yang diisyihar oleh Menteri Kesihatan tidak boleh diberi pengecualian.

Perintah 16 (5)- Ibu dan Anak

- Ibu-ibu yang menjalani rawatan antenatal dan postnatal dan kanak-kanak di bawah umur satu tahun dikecualikan dari caj-caj dalam Bahagian/Jadual A apabila dirawat sebagai pesakit luar.

Perintah 16 (6) - Ibu Mengandung

- Ibu mengandung yang dirujuk oleh sesuatu hospital, pusat kesihatan atau klinik kerajaan untuk rawatan pergigian, selain dari pembekalan dan pembaikan gigi-gigi palsu atau alat-alat ortodontik dikecualikan membayar caj-caj pergigian.

Perintah 16 (7)- Orang Miskin

- Orang yang menduduki wad kelas tiga dan mengisyiharkan dirinya orang miskin boleh dikecualikan dari membayar sepenuhnya atau sebahagian daripada caj bagi pesakit-pesakit kelas tiga. Kuasa adalah diberikan kepada Ketua Hospital atau wakilnya.

Perintah 16 (8)- Kanak-kanak Pra Sekolah

- Kanak-kanak Umur Pra-Sekolah dikecualikan dari apa-apa caj.
 - a) Rawatan pergigian (selain alat-alat ortodontik)
 - b) Imunisasi
 - c) Vaksinasi

Perintah 16 (9)-Pencegahan Wabak

- Imunisasi dan vaksinasi percuma ada berlaku sesuatu wabak yang diisyiharkan bagi mencegah wabak itu dari merebak.

Perintah 16 (10)- Ujian Makmal Wabak

- Percuma ujian-ujian makmal yang dilakukan.
 - a) Semasa berlakunya sesuatu wabak yang diisyiharkan dibawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pencegahan penyakit itu.
 - b) Atas permintaan Kementerian/Ketua Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri atau Ketua Institusi Perubatan Persekutuan untuk kepentingan kesihatan awam.

Perintah 16 (11)- Ambulan

- Penggunaan ambulan percuma
 - a) Bagi tujuan kecemasan atau kes-kes kemalangan
 - b) Bagi penghantaran pesakit ke hospital lain bagi kes-kes serius untuk rawatan lanjut.

Perintah 16 (12)- Kereta Jenazah

- Penggunaan kereta jenazah percuma bagi menghantar pesakit yang meninggal dunia ke hospital dimana pesakit itu mula dimasukkan.

Perintah 16 (13)- Kuasa KSP

- Ketua setiusaha pembendaharaan boleh mengecualikan mana-mana kelas atau kumpulan orang-orang dari membayar semua atau sebahagian caj-caj yang dikenakan dibawah perintah ini.

SENARAI KUMPULAN
ORANG-ORANG YANG
DIBERIKAN PENGECUALIAN
DIBAWAH PERENGGAN 16
(13) PERINTAH FEE
(PERUBATAN) 1982
OLEH PIHAK
PERBENDAHARAAN

KUMPULAN ORANG

1. Pelajar

- Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belajar sepenuh masa sehingga tingkatan 5 dan tingkatan 6

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan daripada membayar apa-apa caj wad, rawatan kepakaran di wad kelas 2 dan caj pesakit luar dengan syarat mengemukakan surat pengenalan daripada Pengetua Sekolah. Terhad kepada warganegara sahaja.

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kesihatan Bil.(83) Dlm. KKM 203/18/1 Bhg.2 bertarikh 10 Mei 1996

KUMPULAN ORANG

2. Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah dan tidak bersekolah (golongan miskin sahaja)

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan caj hospital kelas 3 dan caj pesakit luar dengan pengesahan Pegawai Kebajikan Perubatan Hospital, Pengarah Hospital, Ketua Klinik Pergigian semasa pendaftaran dan disimpan dalam fail pesakit untuk rekod/semakan audit. Terhad kepada warganegara sahaja.

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kesihatan Bil.KK/BP (S)(9.00) 671-1 jld.2 sk.9 (54) bertarikh 17 Julai 1993

KUMPULAN ORANG

3. Anggota Angkatan Sukarela.

- Askar Wataniah
- Pasukan Pertahanan Tempatan
- Pasukan Simpanan TLDM/TUDM
- Pasukan Pertahanan Awan
- Polis Sukarela Simpanan.

JENIS PENGECUALIAN

- a) Sekiranya mendapat bencana atau sakit dalam menjalankan tugas dikecualikan daripada membayar semua caj rawatan dan caj wad.

b) Anggota Angkatan sukarela dan keluarganya dikenakan setengah bayaran hospital dan wad kelas 3 apabila sakitnya atau kecederaan bukan kerana menjalankan tugas ketenteraan. Dikecualikan daripada bayaran pesakit luar (kecuali alat-alat untuk tujuan kecantikan / kosmetik)

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kesihatan Bil.(34) dlm KKM 203/18/2 Bertarikh 17 Julai 1993

KUMPULAN ORANG

4. Penuntut-penuntut

- Institut Pertanian Semenanjung Malaysia
- Pusat Latihan Dibawah Kementerian Belia Dan Sukan
- Pelatih Institut Latihan Perindustrian

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan daripada bayaran pesakit luar dan hospital kelas 3

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kesihatan Bil.(34) Dlm. KKM 203/18/2 bertarikh 17 November 1993

- Kumpulan orang
- Pelatih Dalam bidang pertanian dibawah Program Pensijilan Kemahiran Malaysia (SKM) - Tahap 1,2&3 sahaja

Dikecualikan rawatan wad kelas 3 dan rawatan pesakit luar percuma

Rujukan

KK/BP(s)09/692/79 Jld. 5 (sk7/2007)/(7)

Bertarikh 26 Oktober 2007

Pelatih/Penuntut Institusi Latihan Jabatan Tenaga Rakyat (ILJTR) (ditaja oleh Kerajaan)

Dikecualikan dari bayaran rawatan
pesakit luar dan rawatan wad kelas 3

Rujukan
KK/BP(S)09/692/79 (8)
Okttober 2001

KUMPULAN ORANG

5. Wakil Kesihatan Kampung Di Sarawak sahaja dan keluarga

JENIS PENGECUALIAN

- Dikecualikan caj hospital kelas 3

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.©o.154/14(SJ.4)
Vol.5 (84) bertarikh 18 Jun 1993

KUMPULAN ORANG

6. Perkhidmatan Pasukan Perubatan bersedia di bawah jadual H bahagian 2 (iii) Perintah Fee (perubatan) 1982

JENIS PENGECUALIAN

- a) Bagi majlis-majlis yang dibiayai oleh kerajaan (Termasuk Kerajaan Negeri) contohnya Perayaan Hari Kebangsaan, Mesyuarat Dewan Undangan Negeri.
- B) Bagi majlis-majlis yang diadakan oleh pertubuhan kebajikan dan sukan yang ditubuhkan diperingkat Kementerian/Jabatan/Negeri yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.
- C) Majlis-majlis yang diadakan oleh pertubuhan-pertubuhan lain yang berdaftar yang diluluskan oleh Ketua Setiausaha Negara dari masa ke semasa.

RUJUKAN

Surat Kementerian Kesihatan (7) dlm KKM 87(151/1)
bertarikh 3 Julai 1986

KUMPULAN ORANG

7. Penderma Darah (semua orang yang menderma darah kepada hospital Kerajaan)
kekerapan menderma

JENIS PENGECAULIAN Keistimewaan Rawatan

i) 1 kali

- Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan (tidak termasuk bayaran x-ray dan pembedahan) dan wad kelas 2 untuk tempoh 3 bulan.

Jenis Pengecualian

ii) 2 kali (Dalam tempoh 12 bulan)

- Percuma suntikan pencegahan Hepatitis B.

iii) 2 - 5 kali

- Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas dua (2) untuk tempoh 4 bulan.

JENIS PENGECUALIAN

Keistimewaan Rawatan

- iv) 6-10 kali
 - Percuma rawatan pesakit luar 1 tahun dan rawatan perubatan kelas dua untuk tempoh 6 bulan.
- v) 11-15 kali
 - Percuma rawatan pesakit luar 2 tahun dan rawatan perubatan dan wad kelas 2 untuk tempoh 1 tahun.
- vi) 16-20 kali
 - Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas 2 untuk tempoh 2 tahun
- vii) 21-30 kali
 - Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas 2 untuk tempoh 3 tahun.

JENIS PENGECAULIAN

Keistimewaan Rawatan

- viii) 31-40 kali
- Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan perubatan dan wad kelas 1 untuk tempoh 4 tahun.
- ix) 41-50 kali
- Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas 1 untuk tempoh 6 tahun.
- ix) Lebih 50 kali (bagi penderma *Whole Blood*)
Dan lebih 150 kali (bagi penderma *aferesis*)
- Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas 1 untuk tempoh 10 tahun serta wad kelas 2 seumur hidup selepas di wad kelas satu.

RUJUKAN

Surat kementerian Kewangan Bil KK/BP/(5)(900) 617-1
jld.3 sk.(7) bertarikh 14 ogos 1997

BAGI PENDERMA DARAH 'RARE BLOOD GROUP' KEISTIMEWAAN RAWATAN SAMA SEPERTI YANG SEDANG DINIKMATI OLEH PENDERMA DARAH BIASA DIKEKALKAN. FAEDAH TAMBAHAN PENDERMA YANG TELAH BERDAFTAR DENGAN TABUNG DARAH HOSPITAL DIBERI SUNTIKAN HEPATITIS 'B' SECARA PERCUMA.

KUMPULAN ORANG

8. Anggota pasukan ikatan Relawan Rakyat (RELA) yang berdaftar dengan sah dan diberi kad pengenalan RELA

JENIS PENGECUALIAN

- Anggota RELA yang mendapat bencana dalam menjalankan tugas-tugas mereka hendaklah dimasukkan ke dalam wad kelas 2 jika ada tempat dan ianya tidak boleh dikenakan apa-apa caj rawatan atau wad.

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.(c) 0.154/14 (SJ.4) Vol.5 (6) bertarikh 29 April 1991

KUMPULAN ORANG

9. Anggota Persatuan Bulan Sabit Merah dari St. John Ambulan yang berdaftar dengan sah

JENIS PENGEJUALIAN

- Sekiranya mendapat bencana dalam menjalankan tugas berhak mendapat kemudahan pesakit luar dan rawatan wad kelas ke 2 percuma.

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.(c) 0.154/14 (SJ.4) Vol.5 (6) bertarikh 29 April 1991

KUMPULAN ORANG

10. Penduduk Orang Asli Di Semenanjung Malaysia.

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan daripada bayaran bagi rawatan diwad kelas 3 dan rawatan pesakit luar.

RUJUKAN

- Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 2/89 bertarikh 14 Jun 1989

KUMPULAN ORANG

11. Tahanan Polis (Termasuk Banduan) ,Anak-anak Yatim, Anak-anak Cacat Dan Orang Tua Dibawah Jagaan Kerajaan.

JENIS PENGECAULIAN

- Rawatan perubatan wad kelas 3 dan rawatan pesakit luar percuma

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil (c) 0154/14 (SJ.4) Vol.3 (12) bertarikh 6 November 1986

KUMPULAN ORANG

12. Penerima Anugerah Sastera Negara

JENIS PENGECUALIAN

- Kemudahan rawatan perubatan wad kelas satu dan rawatan pesakit luar percuma.

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil (c) 0154/14 (SJ.4) Vol.4 (99) bertarikh 5 Oktober 1990

KUMPULAN ORANG

13. Jemaah Haji LUTH dan persendirian

JENIS PENGECUALIAN

- Pengecualian bayaran ke atas caj suntikan meningitis dan caj pemeriksaan Kesihatan.

RUJUKAN

- Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 1/90 bertarikh 21 Mac 1989
- (c)0.154/14(SJ.4) vol.5
 - 20 Mei 1992

KUMPULAN ORANG

14. Atlit-atlit Kebangsaan (Ahli Sukan Kebangsaan)

JENIS PENGEJUALIAN

- Pemeriksaan perubatan percuma (secara routine) dan rawatan perubatan percuma. (wad kelas 2 dan rawatan pesakit luar)

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.© 0.154/14/(SJ.4) Vol.3(39) bertarikh 25 Ogos 1980

KUMPULAN ORANG

15. Pesakit-pesakit Tibi Dan Penyakit Berjangkit Lain
Yang Telah Keluar Daripada Wad

JENIS PENGECUALIAN

- Dikecualikan daripada caj 'follow-up' di Jabatan Pesakit Luar

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.© 0.154/14/(SJ.4)
Vol.3(39) bertarikh 25 Ogos 1980

KUMPULAN ORANG

16. Pesakit luar yang telah mengidap tibi termasuk kontak-kontak pesakit tersebut

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan daripada caj pesakit luar am dan pesakit luar pakar

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.© 0.154/14/(SJ.4) Vol.5 (48) bertarikh 25 Julai 1992

KUMPULAN ORANG 17. Kes-kes PERKESO

JENIS PENGECAULIAN

- Bayaran caj pemeriksaan Lembaga Perubatan dikecualikan

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.© 0.154/14/(SJ.4) Vol.5 (S.K.1) (3) bertarikh 10 April 1993

KUMPULAN ORANG

18. Guru Pelatih Di Maktab Pengurusan Semenanjung Malaysia

JENIS PENGECUALIAN

- Rawatan perubatan wad kelas 2 dan rawatan pesakit luar percuma.

RUJUKAN

- Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil.6/1979 bertarikh 15 November 1979

KUMPULAN ORANG

19. Jemaah Umrah

JENIS PENGECAULIAN

- percuma untuk suntikan *meningitis'*
- RUJUKAN
- Surat Kementerian Kew.Bil(C) 0.154/14 (SJ.4) Vol.5
(27) Bertarikh 20 Mei 1992

KUMPULAN ORANG

21. Mangsa-mangsa kemalangan / mangsa- mangsa penganiayaan seperti mangsa rogol, deraan dan sebagainya yang dirujukkan oleh pihak Polis.

JENIS PENGEJUALIAN

- Dikecualikan daripada bayaran bagi rawatan wad kelas 3 dan rawatan pesakit luar.

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kew.Bil/KK/BP/S (9.00) 617-1 (63) Bertarikh 6 Jun 1994

KUMPULAN ORANG

22. Pelajar-pelajar Politeknik.

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan bayaran pesakit luar dan rawatan di wad kelas 2.

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kesihatan Bil.(79) Dlm.KKM 203/18/1 Bhg.2 Bertarikh 29/11/93

KUMPULAN ORANG

23. Pelatih Pusat Serenti (Pusat Jagaan Lanjutan)

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan dari pada bayaran rawatan pesakit luar dan caj hospital kelas 3

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kesihatan Bil.KK/BP/S(9.00) 617-1(16) Bertarikh 15/9/93

KUMPULAN ORANG

24. Pelajar-pelajar Institut Kemahiran MARA

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan daripada bayaran rawatan pesakit luar dan caj wad kelas 3

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kesihatan Bil.KK/BP/S(9.00) 617-1(16) Bertarikh 15/9/93

KUMPULAN ORANG

25. Tokoh Seni Negara

JENIS PENGEJUALIAN

- Kemudahan Perubatan Percuma Kelas 1
- Surat Kementerian Kewangan Bil.KK/BP/S(9.00) 617-1 S.K.2(11) Bertarikh 12/11/93

RUJUKAN

KUMPULAN ORANG

26. Pelatih Institut Latihan Perikanan Malaysia,
Chendering

JENIS PENGECUALIAN

- Dikecualikan daripada caj rawatan pesakit luar dan rawatan di wad kelas 3

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.KK/BP/S(9.00) 617-1 Jld.2 S.K.8 (51) Bertarikh 20/3/1996

KUMPULAN ORANG

27. Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital

JENIS PENGEJUALIAN

- Dikecualikan daripada bayaran bagi rawatan wad kelas 2 dan rawatan pesakit luar. (semasa tempoh menjadi Ahli Lembaga dan untuk diri sendiri sahaja)

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.KK/BP/S(9.00) 617-1 Jld.2 S.K.6 (45) Bertarikh 20/1/1996

KUMPULAN ORANG

28. Sukarelawan Penjagaan Kesihatan Asas Negeri
Sabah dan Keluarga.

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan daripada bayaran bagi rawatan wad kelas 3 dan rawatan pesakit luar
- RUJUKAN
- Surat Kementerian Kewangan Bil.KK/BP/S(9.00) 617-1 Jld.3 S.K.1 Bertarikh 15 Julai 1996

KUMPULAN ORANG

29. Penerima Bantuan Kebajikan.

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan daripada bayaran bagi rawatan pesakit luar dan rawatan wad kelas 3

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.KK/BP/S(9.00) 617-1 Jld.2 S.K.11(58) Bertarikh 14 Mei 1996

KUMPULAN ORANG

30. Bekas-bekas Anggota Keselamatan Yang Pernah Berkhidmat semasa Darurat.

JENIS PENGECAULIAN

- Berkhidmat 5 tahun dan lebih dikecualikan dari bayaran rawatan pesakit luar dan wad kelas dua.
- Berkhidmat untuk tempoh 1 tahun dan kurang dari 5 tahun - dikecualikan bayaran rawatan pesakit luar dan wad kelas 3

RUJUKAN

- Surat Kementerian Kewangan Bil.KK/BP/S(9.00) 617-1 Jld.2 S.K (21) Bertarikh 5 Mei 1997

KUMPULAN ORANG

31. Pelarian yang berdaftar dengan UNHCR

JENIS PENGECAULIAN

- Diberi pengecualian separuh (50%) daripada kadar caj warganegara asing seperti dalam Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan)2014

RUJUKAN

- Surat Pekeliling Bahagian Kewangan 1 Tahun 2006 berkuatkuasa 1 Februari 2006

KUMPULAN ORANG

32. Penderma Organ

JENIS PENGEJUALIAN

- Percuma Rawatan Perubatan pesakit luar dan wad kelas satu

RUJUKAN

- Surat KKM ruj (95) dlm KKM - 2003/18 Jld 4 bertarikh 29 Disember 2003

KUMPULAN ORANG

33. Panel Penasihat Kesihatan

JENIS PENGECAULIAN

- Percuma Rawatan pesakit luar dan wad kelas dua

RUJUKAN

- Surat Kem Kew ruj KK/P(S) 09/692/79 Jld 2 sk2,6/2003 (12) bertarikh 26 Mac 2004

KUMPULAN ORANG

34. Kes-kes penyakit berjangkit (Warganegara Malaysia sahaja)

JENIS PENGEJUALIAN

- Rawatan percuma kelas 3 dan rawatan pesakit luar meliputi kes-kes yang disahkan penyakit berjangkit, kontak-kontak, disyaki, pengawasan, pemerhatian dan rawatan susulan

RUJUKAN

- Surat KKM bil(99)dlm.KKM-203/18/Jld 3 bertarikh 19 Feb. 2002 dan garis panduan dari bahagian Kawalan Penyakit, KKM

KUMPULAN ORANG

35. Pelajar-pelajar Kolej Profesional Mara Melaka

JENIS PENGECUALIAN

- Rawatan percuma kelas 3 dan rawatan pesakit luar

RUJUKAN

- Surat KKM bil(43) dlm.KKM-203/18/1 Jld 24 bertarikh 30 Mei 2002 dan garis panduan dari bahagian Kawalan Penyakit, KKM

KUMPULAN ORANG

**36. Pelajar-pelajar Kolej Komuniti, Kementerian
Pelajaran**

JENIS PENGECUALIAN

- Rawatan percuma kelas 3 dan rawatan pesakit luar

RUJUKAN

- Surat KKM bil(63) dlm.KKM-203/18/1 Jld 24 bertarikh 16 Okt. 2002

KUMPULAN ORANG

37. Veteran ATM, Bekas tentera British / FORCE 136
/British Tracker (Sarawak)

JENIS PENGECAULIAN

- Percuma rawatan hospital dan rawatan pesakit luar.
Perlu mengemukakan surat pengesahan daripada
JHEV dan menyatakan kelayakan wad. Dipanjangkan
kepada ahli keluarga

RUJUKAN

- Surat KKM bil(61) dlm.KKM-203/25/2 Jld 2
bertarikh 15 Mei 2002

KUMPULAN ORANG

38. Peserta Program Latihan Khidmat negara

JENIS PENGECAULIAN

- Pengecualian caj pemeriksaan kesihatan bagi calon PLKN dan pengecualian wad kelas 2 dan rawatan pesakit luar.

RUJUKAN

- Surat Pekeliling Bgh. Kewangan KKM bil(96) dlm.KKM-203/18/ Jld 4 bertarikh 29 Dis 2003
- Surat Bahagian Pembangunan Kesihatan keluarga bil(35)dlm.KKM/62/BPKK(P)POIO-A bertarikh 27

Januari 2004

KUMPULAN ORANG

39. Golongan Pesakit Kurang Upaya terhad kepada mereka yang berdaftar dgn Jabatan Kebajikan Masyarakat dan warganegara sahaja

JENIS PENGECAULIAN

- Pengecualian bayaran wad kelas 3 dan rawatan pesakit luar

RUJUKAN

- Surat KKM bil(64) dlm.KKM-203/18/ Jld 2 bertarikh 23 Nov. 2000

KUMPULAN ORANG

40. Golongan yang mendapat bantuan bulanan fakir miskin di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Negeri atau jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan warganegara sahaja

JENIS PENGECAULIAN

- Pengecualian bayaran wad kelas 3 dan rawatan pesakit luar

RUJUKAN

- Surat Pekeliling Bahagian Kewangan (Unit Pengurusan Hasil) bilangan 14 tahun 2004

KUMPULAN ORANG

41. Pesakit wad kelas 3 yang meninggal dunia semasa menerima rawatan di Hospital Kerajaan (warganegara sahaja)

JENIS PENGECAULIAN

- Pengecualian bayaran wad kelas 3 semasa menerima rawatan yang berkaitan

RUJUKAN

- Surat KKM bil(73) dlm.KKM-203/18/ Jld 4 bertarikh 16 April 2003

KUMPULAN ORANG

42. Pemeriksaan Kesihatan bagi orang awam yg dilantik ke jawatan Kerajaan (Badan Berkanun)

JENIS PENGECAULIAN

- Dikecualikan bayaran dengan syarat membawa surat majikan yang mengesahkan tidak mempunyai doktor panel
- Badan berkanun yang mempunyai doktor panel atau tidak membawa surat pengesahan majikan dikenakan RM 20.00

RUJUKAN

- Surat KKM bil(73) dlm.KKM-203/18/ Jld 4 bertarikh 16 April 2003

Bakal-bakal pelatih Anggota Sains
Bersekutu (ASKB).

Di kecualikan dari bayaran pemeriksaan
perubatan dan rawatan pesakit luar
dan rawatan wad kelas 2.

Rujukan

(37) dlm. KKM-203/69 Jld.2

Bertarikh 10 Oktober 2007

TOKOH ORANG HIDUP

- Kemudahan rawatan wad kelas satu (1) percuma
- Kemudahan rawatan pesakit luar percuma
- Rujukan :
KK/BP/WA1/05/547/1s.kl/2009(7) -
20 April 2009
- (15) dlm KKM-58/900/18 Jld.9 -20
Nov2009

PENGECUALIAN WARGANEGARA BERUMUR 60 TAHUN KEATAS

- Caj pendaftaran RM1.00 di Jabatan Pesakit Luar di kecualikan
- Surat Pekeliling Bhg. Kewangan bil 4 tahun 2011- 1 Jan 2011
- KK/BP/WA1/(S)09/692/79 Jld.3 (sk17/2011)(3) - 5 Dis 2011

PENGECUALIAN WARGANEGARA BERUMUR 60 KEATAS - KLINIK PAKAR/ WAD KELAS 3

- Caj pendaftaran RM5.00 di klinik Pakar dikecualikan.
- Pengurangan caj pesakit dalam wad kelas tiga (3) sebanyak 50%
- Surat Pekeliling Bhg. Kewangan bil 2 tahun 2012 - berkuat kuasa 1 Mei 2012
- KK/BP/WA1(s)09/692/79/ jld.3 sk2/20123)

PENGECUALIAN WAD KELAS SATU-PENDERMA ORGAN/ PENDERMA SEL STEM/KADAVERIK

- Pengecualian wad kelas satu(1) kepada penderma organ/ sel stem dan kadaverik kepada warganegara dan warganegara asing.- (Mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan).
- (64)Dlm KKM-58/900/69 Jld 7 - 21 Nov. 2012

PENGECUALIAN PELAJAR INSTITUT KRAF NEGARA (IKN)

- Pengecualian wad kelas tiga (3) percuma
- Pengecualian pesakit luar percuma
- Rujukan :- KK/BP/WAI(S) 09/692/79
jld.4 (sk5/2012)(8) - 16 April 2013

PENGECUALIAN BAYARAN CAJ PERKHIDMATAN DAN KESIHATAN DILUAR HOSPITAL/FASILITI KKM (WARGANEGARA SAHAJA)

- Home visit yang diberikan bagi memastikan kesinambungan penjagaan kesihatan (continuous care).
- Lawatan susulan ibu dan anak, kesihatan post natal, kesihatan kanak-kanak dan remaja, kesihatan warga emas, kesihatan orang kurang upaya (OKU) dan kesihatan mental.

- Perkhidmatan yang mempunyai kesinambungan kepada rawatan yang telah diberikan semasa pesakit berada di dalam wad dan lawatan tersebut telah dirancang terlebih dahulu dan di persetujui oleh pakar-pakar berkaitan.

- Rawatan pesakit dirumah oleh Jurupulih Carakerja/Jurupulih Anggota (nursing care/rehabilitasi) untuk memastikan kesinambungan penjagaan kesihatan (continuous care) dan lain-lain aktiviti termasuk kes-kes terlantar (bed ridden), OKU dan warga emas.

- Perkhidmatan kesihatan bergerak bagi meningkat kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan di kawasan pedalaman untuk golongan yang kurang berkemampuan dan lain-lain aktiviti termasuk di bawahnya seperti perkhidmatan klinik bergerak, flying doctors service (FDC) dan klinik bergerak 1 Malaysia - KB1M (Bot/Bas)
- Rujukan :-(10)dlm KKM58/300/1-5 jld 2 - 17 Jun 2013. Surat Pekeliling Bhg. Kewangan 1/2013



The background features a dark blue gradient with several thin, light blue curved lines of varying lengths. A solid horizontal yellow bar runs across the bottom of the frame.

Q & A

TERIMA KASIH